



Ruj. Kami : KPM.800-4/4/28 JLD. 8 (26)
Tarikh : 19 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Dr./Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PERMOHONAN BANTUAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM) SECARA DALAM TALIAN BAGI MURID DARJAH 1 HINGGA TINGKATAN 1 TAHUN 2021 MELALUI SISTEM APLIKASI PENGURUSAN BANTUAN (APB) - MODUL KWAPM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman YBhg. Datuk Dr./Dr./Tuan/Puan, permohonan Bantuan KWAPM tahun 2021 bagi murid Darjah 1 hingga Tingkatan 1 akan dilaksanakan secara dalam talian menggunakan Sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) - Modul KWAPM. Permohonan akan dibuka **mulai 8 Mac sehingga 31 Mac 2021.**

3. Data permohonan adalah berdasarkan data murid yang telah dikemaskini di dalam Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) sehingga **20 Februari 2021**. Data murid yang dikemaskini **selepas tarikh tersebut tidak akan dimuat naik ke dalam Sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) - Modul KWAPM**. Had kelayakan pendapatan isi rumah bagi permohonan KWAPM tahun 2021 adalah mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tahun 2016 seperti di **Lampiran A**.

4. Pegawai penyelaras bantuan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) perlu memuat naik data murid yang telah disaring ke Sistem APB - Modul KWAPM bagi permohonan tahun 2021 mulai 22 sehingga 26 Februari 2021.

5. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk Dr./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan makluman ini kepada semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah di bawah seliaan masing-masing untuk melaksanakan permohonan Bantuan KWAPM bagi murid Darjah 1 hingga Tingkatan 1 secara dalam talian berdasarkan tempoh yang ditetapkan dalam Takwim Pengurusan Sistem APB - Modul KWAPM seperti di Lampiran B. JPN adalah bertanggungjawab memastikan PPD dan sekolah di bawah seliaan mengambil tindakan selanjutnya dengan merujuk *Standard Operating Procedure* pelaksanaan pengurusan Sistem APDM bagi bantuan KWAPM seperti di Lampiran C.

6. Sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datuk Dr./Dr./Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai seperti berikut:

BIL.	NAMA	E-MEL (@moe.gov.my)	NO. TELEFON	PERKARA
1.	Puan Afidah Haji Mohd Isa	afidah.isa	03-88843684	Urusan berkaitan pelaksanaan Sistem Aplikasi Bantuan (APB) secara dalam talian.
2.	Puan Nor Hafizah Hamzah	hafizah.hamzah	03-88843782	
3.	Encik Azhar Bin Che Omar	azhar.comar	03-88847657	
4.	Puan Herma Malinie Hashim	herma.hashim	03-88847002	Urusan berkaitan dasar Bantuan KWAPM.
5.	Puan Elanee Abdullah	elanee	03-88847086	
6.	Puan Siti Fatimah Ab Razak	sitifatimah.r	03-88847091	

7. Kerjasama YBhg. Datuk Dr./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAMZI BIN MANSOR)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : 03-8884 7678

Faks: 03-8884 7611

s.k.:

1. Pengarah BPSH
2. SUB (BPM)

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 KANGAR
Perlis
(u.p.: Puan Nur Adibah Khairiyah binti Thew Abdullah)

2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bikut Gambir
11700 GELUGOR
Pulau Pinang
(u.p.: Encik Suhaizi bin semail)

3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05100 ALOR SETAR
Kedah
(u.p.: Encik Mohd Shahril Bin Ibenil Harjad)

4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 IPOH
Perak
(u.p.: Encik Amirzaidi Bin Jubaidi)

5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 SHAH ALAM
Selangor
(u.p.: Puan Siti Aishah binti Senawi)

6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jabatan Persiaran Duta
Off Jalan Duta
50604 KUALA LUMPUR
(u.p.: Encik Muslim bin Mustafa)

7. Pengarah Pendidikan
Pejabat Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Jalan P16, Presint 16
62150 W.P PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Maizura bt Md Rejab)
8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 SEREMBAN
Negeri Sembilan
(u.p.: Encik Rusli bin Abdullah)
9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
Bukit Beruang
75450 BUKIT BARU
Melaka
(u.p.: Datin Mardiana binti Muzaporkhan)
10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 JOHOR BAHRU
Johor
(u.p.: Encik Rozaini Bin A. Rani)
11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 KUANTAN
Pahang
(u.p.: Puan Norzaini Azlina binti Zainudin@Zaidun)

12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 KUALA TERENGGANU
Terengganu
(u.p.: Puan Che Khairiah binti Che Kamaruddin)

13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Bharu Tunjong
16100 KOTA BHARU
Kelantan
(u.p.: Encik Mahadi bin Abd Razak)

14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik
Off Jalan Bako
93050 PETRAJAYA
Sarawak
(u.p.: Encik Seri Bin Ismail)

15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Tingkat 4, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punat Tanah, Likas
88450 KOTA KINABALU
Sabah
(u.p.: Puan Mayang binti Rashid)

16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat No. 81097
87020 W.P.LABUAN
(u.p.: Tuan Haji Minggu Bin Amat)

LAMPIRAN A

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) TAHUN 2016

Wilayah	Miskin		Miskin Tegar	
	Isi Rumah (RM)	Per Kapita (RM)	Isi Rumah (RM)	Per Kapita (RM)
Semenanjung Malaysia	960	244	604	151
Sabah & Labuan	1,180	259	722	154
Sarawak	1,020	255	681	167

Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

No. Rujukan: UPP:BPK/177/174/1Klt.20(51)

Tarikh: 31 Disember 2018

LAMPIRAN B

**TAKWIM PENGURUSAN APB – MODUL KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM)
BAGI MURID DARJAH 1 HINGGA TINGKATAN 1 TAHUN 2021**

BIL.	CADANGAN TARIKH	TINDAKAN	AKTIVITI	LAMAN SESAWANG	CATATAN
1.	20 Januari 2021 - 20 Februari 2021	Sekolah (Guru Kelas)	Kunci masuk dan kemaskini data murid di dalam sistem APDM.	APDM	Pihak sekolah perlu merujuk surat arahan dari BPSH untuk kemaskini APDM. KPM.100-15/2/88Jld.2(26) Tarikh: 9 Oktober 2020 KPM.100-15/2/88Jld.2(35) Tarikh: 11 Disember 2020
2.	22-26 Februari 2021	Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	Memuat naik data murid berpendapatan di bawah paras PGK Nasional ke dalam sistem APB- Data Sedia Ada (DSA).	http://apb1.moe.gov.my	

BIL.	CADANGAN TARIKH	TINDAKAN	AKTIVITI	LAMAN SESAWANG	CATATAN
3.	22 Februari 2021 – 31 Mac 2021	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) & Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	Pemantauan oleh PPD dan JPN dengan memastikan semua sekolah mengisi permohonan bantuan KWAPM melalui sistem APB mengikut tempoh yang telah ditetapkan.	http://apb1.moe.gov.my	PPD dan JPN hendaklah memastikan pihak sekolah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS) selaras dengan SPK Bil. 1/2019 dan menyimpan minit mesyuarat tersebut.
4.	1-5 Mac 2021	Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)	BPM memuatnaik data murid eKasih ke dalam sistem APB BPM memuatnaik data Murid Orang Asli (DMOA) ke dalam sistem APB	http://apb1.moe.gov.my	
5.	8-31 Mac 2021	Sekolah Guru KWAPM Pengesahan peringkat Pengetua/ Guru Besar	Sistem dibuka untuk permohonan KWAPM di peringkat sekolah. Senarai penerima Bantuan KWAPM haruslah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS) selaras dengan SPK Bil. 1/2019 sebelum disah terima di dalam Sistem APB.	http://sps1.moe.gov.my (Modul Pengurusan Murid)	KPM.800-4/4/28 JLD.8 (26) bertarikh : 19 Januari 2021

BIL.	CADANGAN TARIKH	TINDAKAN	AKTIVITI	LAMARAN SESAWANG	CATATAN
6.	1-15 April 2021 (11 hari)	Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Pendidikan Malaysia	Penyelarasan data penerima Bantuan KWAPM bagi murid yang berjaya mengikut kategori DSA/Ekasih/DMOA dan penyediaan statistik bilangan pelajar dan senarai nama murid yang berjaya bagi setiap negeri (16 Negeri) untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.	http://app1.moe.gov.my	Statistik bilangan pelajar dan senarai nama murid yang berjaya diberikan kepada Unit ICT, Bahagian Kewangan pada 16 April 2021 untuk tujuan penyediaan invoice bayaran 2021

LAMPIRAN C

**STANDARD OPERATING PROCEDURE PELAKSANAAN PENGURUSAN SISTEM APLIKASI
DATA MURID BAGI BANTUAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN**

TINDAKAN	PERKARA
Sekolah	<p>i. Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil. 1 Tahun 2019: Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin bertarikh 15 Mei 2019 sebagai rujukan dan panduan utama dalam melaksanakan permohonan bantuan ini. SPK berkenaan boleh dimuat turun melalui pautan berikut: https://www.moe.gov.my/pekeliling/2819-spk-bt-13-bantuan-kumpulan-wang-amanah-pelajar-miskin-kwapm</p> <p>ii. Borang permohonan bantuan PB1 dan PB2 boleh diedarkan kepada murid yang layak berdasarkan pendapatan ibu bapa/penjaga yang berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional semasa yang telah dikemaskini di dalam Sistem APDM pada awal tahun. <u>Borang PB1 dan PB2 yang telah diisi oleh ibu bapa/penjaga semasa permohonan Bantuan Awal Persekolah tahun semasa juga boleh digunapakai untuk tujuan pemberian bantuan KWAPM</u> mengikut had kelayakan bantuan KWAPM.</p> <p>iii. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS) bagi proses pemilihan dan perakuan murid yang layak di bawah Data Sedia Ada (DSA). Minit mesyuarat hendaklah dimuatnaik ke dalam Sistem APB - Modul KWAPM.</p> <p>iv. Pihak sekolah perlu mengemaskini maklumat akaun bank Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) yang terkini dalam Sistem APB - Modul KWAPM. Kegagalan untuk mengemukakan nombor akaun KWK yang terkini akan menyebabkan pembayaran bantuan tidak dapat dilaksanakan.</p>

TINDAKAN	PERKARA
Sekolah	v. Semua sekolah boleh merujuk Manual Pengguna Modul KWAPM dalam melaksanakan permohonan ini. Manual Pengguna tersebut boleh dimuat turun melalui pautan seperti berikut: https://apdm.moe.gov.my/
Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	i. Memantau sekolah supaya membuat permohonan bantuan KWAPM melalui Sistem Aplikasi Bantuan (APB) secara dalam talian. ii. Memastikan semua sekolah mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. iii. Manual Pengguna Sistem Aplikasi Bantuan (APB) boleh dimuat turun melalui pautan seperti berikut: https://apb1.moe.gov.my/index-1_borang.cfm
Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	i. Memantau sekolah supaya membuat permohonan bantuan KWAPM melalui Sistem Aplikasi Bantuan (APB) secara dalam talian. ii. Memastikan semua PPD/sekolah mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. iii. Pegawai penyelaras bantuan di JPN perlu muat turun data murid yang telah disaring ke Sistem APB - Modul KWAPM bagi permohonan tahun 2021 mulai 22 sehingga 26 Februari 2021. iv. Manual Pengguna Sistem Aplikasi Bantuan (APB) boleh dimuat turun melalui pautan seperti berikut: https://apb1.moe.gov.my/index-1_borang.cfm